



Hussein rasmikan Yayasan Pelaburan

PERDANA Menteri, Datuk Hussein Onn sedang merasmikan Pelancaran Yayasan Pelaburan Bumiputera dan Permodalan Nasional di Bilik Gerakan Jabatan Perdana Menteri, di Kuala Lumpur pagi semalam.

Gambar menunjukkan (dari kiri) ialah Gabenor-Bank Negara Tan Sri Ismail Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr. Neo Yee Pan, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Haji Abdullah Salleh. — Gambar Jabatan Penerangan.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

BERITA HARIAN, SABTU, 15 APRIL, 1978

Harapan Dr. M pada hari Puisi Nasional

KUANTAN, Jumaat — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad berharap Hari Puisi Nasional keenam di sini dapat melahirkan puisi-puisi yang benar-benar melambangkan keutuhan dan kemurnian budaya bangsa Malaysia.

Kata beliau, puisi adalah satu cabang seni sastra yang halus di mana dapat dibayangkan ciri-ciri kebudayaan sesuatu bangsa itu.